



نوٹیس

NOTIS PENGOPERASIAN PREMIS MAKANAN SEPANJANG BULAN RAMADHAN 1441H

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah memutuskan untuk tidak mengadakan Bazaar Ramadhan bagi tahun 1441H. Sebagai alternatif Kerajaan Negeri Kelantan telah memperkenalkan E-Ramadhan bagi menggantikan Bazaar Ramadhan bersempena dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuatkuasa.

Mesyuarat Penyelarasan E-Ramadhan Kelantan 1441H Bil 02/2020 yang bersidang pada 26 Syaaban 1441H bersamaan 20 April 2020 telah bersetuju untuk membenarkan Kedai Makan, Restoran, Restoran Makanan Segera (Fast Food), termasuk Pasaraya dan Makanan & Minuman (Food Beverage) di Hotel. Kelulusan ini terhadap makanan dan minuman siap bungkus sahaja.

Pihak tuan dikehendaki mematuhi semua arahan termasuk mengambil langkah-langkah yang rapi terhadap proses pembersihan diri (memakai penutup muka) dan mengekalkan jarak selamat 1 meter setiap pelanggan.

Mesyuarat juga memutuskan bahawa waktu operasi pada Bulan Ramadhan 1441H adalah dari jam 3.00 petang hingga 6.30 petang setiap hari. Majlis berhak untuk membatalkan kebenaran tuan jika didapati melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan.

Dengan Perintah
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH MACHANG

Tarikh: 27 Syaaban 1441H / 21 April 2020M